

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Saturday, February 1, 2020 3:24 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Staf - Pesara UUM
Subject: PEMAKLUMAN PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PROAKTIF PENULARAN JANGKITAN NOVEL CORONAVIRUS (2019-nCoV)



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

1 FEBRUARI 2020 / 7 JAMADILAKHIR 1441H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

UUM ONLINE:

**PEMAKLUMAN
PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PROAKTIF
PENULARAN JANGKITAN NOVEL CORONAVIRUS
(2019-nCoV)**

Universiti Utara Malaysia (UUM) memandang serius terhadap sebarang risiko penularan jangkitan Novel Coronavirus (2019-nCoV) dalam kalangan warga kampus serta rakyat Malaysia amnya.

Seiring dengan keputusan Kementerian Pendidikan Malaysia, pihak Pengurusan UUM telah memutuskan beberapa langkah proaktif bagi pencegahan maksimum penyebaran jangkitan 2019-nCoV memandangkan UUM mempunyai ramai pelajar antarabangsa termasuk pelajar dari negara China. Langkah tersebut ialah:

1. Penangguhan pengajian untuk pelajar-pelajar dari Bandar Wuhan dan Wilayah Hubei pada Semester Kedua Sesi 2019/2020 (A192).
2. Penangguhan sementara semua aktiviti staf dan pelajar ke negara China.
3. Pelaksanaan saringan kesihatan kepada semua staf dan pelajar yang telah mengunjungi negara China di pintu-pintu masuk utama dan saringan susulan oleh Pusat Kesihatan Universiti (PKU) setibanya di UUM.
4. Penyediaan tempat penginapan berasingan dan pemantauan kesihatan harian (*home surveillance*) untuk pelajar yang pulang dari negara China bagi tempoh 14 hari selepas memasuki Malaysia.
5. Penetapan agar semua pelajar yang berada dalam tempoh *home surveillance* dilarang daripada menghadiri kuliah dan semua kursus digalakkan untuk melaksanakan pembelajaran atas talian (*online learning*) pada minggu kedua semester pengajian.
6. Penetapan agar semua pelawat dan kontraktor yang berurusan dengan UUM bebas daripada sebarang gejala jangkitan virus 2019-nCoV seperti demam, batuk dan sesak nafas sebelum berurusan di dalam UUM serta galakan untuk memakai alat pencegahan jangkitan seperti *surgical mask* dan *sanitizer* sepanjang tempoh berurusan.
7. Penetapan agar semua warga kampus yang mengalami sebarang gejala jangkitan virus 2019-nCoV seperti demam, batuk dan sesak nafas untuk mendapatkan rawatan di PKU atau fasiliti kesihatan yang terdekat.
8. Peringatan dari semasa ke semasa akan disalurkan kepada semua warga UUM, pelawat dan kontraktor luar untuk mematuhi arahan penjagaan kebersihan sebagai langkah pencegahan.

UUM akan terus memantau perkembangan 2019-nCoV melalui saluran-saluran rasmi dan warga universiti juga disaran untuk memastikan langkah-langkah pencegahan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Terima kasih.

Sebarang pertanyaan atau bantuan, boleh hubungi:

UUM Service Desk
+604 928 4000 (servicedesk@uum.edu.my)

Pusat Kesihatan Universiti
+604 928 2525 / 4444 (medic@uum.edu.my)

CIAC Service Desk
+604 928 3401 / 3403 (ciac@uum.edu.my)



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.